

Headline **MIMOS sasar lebih agresif**
 Date **20. Oct 2008**
 Media Title **Utusan Malaysia**
 Section **Ekonomi**
 Circulation **238082**
 Readership **833287**

Language **MALAY**
 Page No **20**
 Article Size **357** cm2
 Frequency **Daily**
 Color **Full Color**
 AdValue **10960.56**



MIMOS sasar lebih agresif

AZMAN IBRAHIM

KUALA LUMPUR 19 Okt. - Selepas memperkenalkan Makcik PC, MIMOS Bhd. (MIMOS) sedang merancang menghasilkan lebih banyak ciptaan terbaru dalam industri teknologi komunikasi maklumat (ICT) sebagai menyokong pembangunan ekonomi negara.

Pengarah Pengurusan Portfolio Teknologinya, Ahmad Helmi Abdul Halim berkata, pihaknya mahu menghasilkan teknologi ICT berkonsepkan masa depan yang boleh diintegrasikan untuk kegunaan harian.

Beliau yang enggan mengulas lanjut berkata, pasaran projek baru itu adalah untuk kegunaan industri dan syarikat tempatan.

"Kami di MIMOS mahu cuba mencabar apa yang difikirkan sebagai mungkin demi untuk menyemarakkan lagi industri ICT di Malaysia dengan teknologi masa hadapan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Ahmad Helmi berkata, pihaknya akan mempamerkan teknologi-teknologi yang dibangunkan oleh MIMOS sepanjang tahun ini dari enam buah makmal mereka di Prebiu Teknologi MIMOS ke-2 di sini pada 2 hingga 4 Disember depan.

Beliau berkata: "Jumlah sebenar bahan teknologi itu masih menjadi rahsia dan ia akan menjadi satu kejutan besar kepada

para pengunjung.

"Melalui prebiu ini, kami akan meningkatkan proses kesedaran akan adanya teknologi canggih bertaraf dunia yang dihasilkan oleh saintis, penyelidik dan jurutera tempatan," tambah beliau.

Mengulas mengenai perkembangan Makcik PC, Ahmad Helmi berkata, dua jenis model komputer tablet ciptaan yang diperkenalkan pada November lalu iaitu JENii dan iDOLA tetapi belum memasuki pasaran bakal mencatat jualan memberangsangkan.

Beliau menambah, sasaran itu dibuat berikutan harga kasar kedua-dua Makcik PC tersebut didapati antara yang terendah di pasaran dan ia berpatutan untuk kegunaan seluruh rakyat.

Katanya, harga sebenar akan ditetapkan oleh syarikat penerima teknologi, tetapi pihaknya menyasarkan harga JENii dalam lingkungan RM550 hingga RM650 sebuah manakala iDOLA pula dari RM850 hingga RM1,000.

"JENii dicipta untuk pasaran bagi merapatkan jurang digital manakala iDOLA pula untuk pasaran pendidikan. JENii disasarkan pada golongan yang belum dapat menguasai teknologi maklumat (IT) seperti suri rumah dan warga tua manakala iDOLA pula disasarkan untuk golongan yang sudah menguasai teknologi IT," katanya.

Platform teknologi Makcik PC bagi model JENii dikendalikan oleh syarikat Smart Computing Sdn. Bhd. manakala iDOLA oleh FTEC System Sdn. Bhd.

Makcik PC dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 30 November tahun lalu bertujuan untuk meningkatkan kadar celik IT di kalangan penduduk luar bandar.

Selain direka untuk penggunaan yang lebih mudah dan harga yang menarik, ia turut menggabungkan teknologi yang canggih seperti teknologi Semantik (salah satu cabang Kecerdasan Buatan), IPv6 dan juga Pengkomputeran Grid.

Beliau berkata, pihaknya masih di tahap perancangan perniagaan dengan dua pihak syarikat yang menjadi penerima platform teknologi dari MIMOS itu.

Jelasnya, perancangan yang teliti dalam pemasaran, logistik serta kerja-kerja pengilangan adalah terletak kepada pilihan pihak berkenaan.

Beliau berkata, pihaknya juga

membantu kedua-dua syarikat itu untuk berunding dengan pengeluar komponen komputer seperti pemproses mikro dan paparan cecair kristal (LCD) supaya mereka dapat mengguna teknologi yang terbaru.



Beliau menambah, platform teknologi JENii bertujuan mengisi jurang pasaran IT sekarang di mana setakat ini belum ada mana-mana komputer yang dapat menolong golongan yang 'buta' komputer untuk mencelikkannya.

"Penyelidikan kami mendapati terdapat golongan yang takut dengan papan kekunci dan juga tetikus. Ada juga yang takut bila

menggunakan enjin pencarian apabila melihat beribu-ribu atau berjuta-juta *web page* yang keluar selepas membuat pencarian.

"Kami juga dapati terdapat golongan yang mempunyai televisyen (TV) dan juga telefon selular sebagai alat perhubungan, tetapi masih takut menggunakan komputer,

"Jadi kita dapat melihat dengan reka cipta komputer tablet yang ringan dan nipis serta berteknologi *handwriting recognition*," kami dapat mengisi kekosongan yang ada di pasaran sekarang," tambahnya.



SEORANG pekerja menunjukkan pemproses mikro buatan tempatan iaitu 'Pesona P16', keluaran MIMOS di Kuala Lumpur.